

**BIMB TERBIT BAHAGIAN KEEMPAT SUKUK MURABAHAH SUBORDINAT
BERNILAI RM300 JUTA**

KUALA LUMPUR, Ahad, [14 November 2021]: Bank Islam Malaysia Berhad ("BIMB atau Bank") telah berjaya menerbitkan bahagian keempat Sukuk Murabahah Subordinat ("Sukuk") bernilai RM300 juta di bawah Program Sukuk Murabahah bernilai RM10.0 bilion pada 12 November 2021. Program Sukuk Murabahah RM10.0 bilion ini merupakan program sukuk kedua yang diperkenalkan oleh BIMB. Program ini telah menerbitkan bahagian pertama pada November 2019 yang melibatkan RM300.0 juta, bahagian kedua RM400.0 juta pada Mac 2020, dan diikuti oleh bahagian ketiga RM700.0 juta pada Oktober 2020.

Sukuk ini dikategorikan sebagai modal kawal selia Aras 2 Bank Islam dalam mematuhi Rangka Kerja Kecukupan Modal ("Komponen Modal") bagi Institusi Perbankan Islam oleh Bank Negara Malaysia. Penerbitan Sukuk ini akan meningkatkan kecukupan modal Bank Islam, sejajar dengan keperluan Basel III.

Sukuk ini yang akan ditebus balik pada nilai nominal penuh setelah tempoh matang, dengan pilihan pembelian pada tahun kelima terbitannya. Ia juga menerima penarafan A₁/stabil oleh RAM Rating Services Berhad ("RAM Ratings"). Program Sukuk Murabahah BIMB ini telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") pada 6 September 2018. Di bawah program tersebut, Bank diberi fleksibiliti untuk menerbitkan Sukuk Murabahah Subordinat dan/atau Sukuk Murabahah Kanan dalam tempoh berkenaan.

RAM Ratings telah mengesah semula penarafan jangka panjang terakhir A₁/stabil dan AA₃/stabil kepada Sukuk Murabahah Subordinat dan Sukuk Murabahah Kanan, masing-masing di bawah Program Sukuk Murabahah ini.

BIMB juga merupakan Penasihat Utama, Penyusun Utama, Ketua Pengurus, dan Penasihat Syariah bagi Program Sukuk Murabahah tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BIMB, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Kami amat berbesar hati untuk menerbitkan bahagian keempat Sukuk Murabahah Subordinat ini. Sebelum ini kami telah menerbitkan Sukuk tersebut menerusi proses penetapan harga. Maklum balas yang diterima adalah positif dengan tempahan berada 2.32 kali lebih tinggi berbanding terbitan dengan harga muktamad sebanyak 4.10%. Permintaan memberangsangkan yang diterima daripada pelabur ini menggambarkan keyakinan pasaran modal terhadap BIMB dan kemampuan jangka panjang perniagaan kami.

“Hasil daripada terbitan ini akan memastikan BIMB mempunyai modal yang melebihi keperluan minimum kawal selia. Langkah ini seterusnya akan memperkukuhkan usaha kami dalam menyediakan nilai kepada pelanggan, seiring dengan era baru BIMB sebagai sebuah bank Islam tulen yang tersenarai di Bursa Malaysia. Kami amat menghargai kepercayaan dan keyakinan pelabur terhadap Kumpulan BIMB dalam merangsang pertumbuhan dan meneroka masa depan yang lebih baik buat industri Perbankan Islam,” tambah beliau.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

ROHAZIDA MOHAMED Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 012-231 8602 Emel: rozahidam@bankislam.com.my	OMAR ATIN Pengurus Kanan Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 019-391 9144 Emel: omar@bankislam.com.my
---	---